

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
ADValue

The Star Anjur Sambutan Hari Alam Sekita
29 Jul 2009
Kuntum (Bahasa)
NEWS
N/A
Monthly
2,989



Language
Page No
Article Size
Color
PRValue

Malay
96
567 cm²
Full Color
8,968



The Star Anjur

Sambutan Hari Alam Sekitar



The Star telah menganjur sambutan Hari Alam Sekitar pada 7 Jun lepas, bertempat di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong. *The Star Green Day* atau Hari Hijau The Star yang kali ini bertemakan "Go Green, Live Green", atau Pelihara Alam Sekitar, penuh dengan pelbagai aktiviti yang mempromosikan kepentingan alam sekitar dan usaha-usaha untuk memeliharanya.

Sambutan yang dilancarkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin bersama isterinya Datin Nafesah Raja Nong Chik itu turut disertai Ketua Editor Kumpulan The Star Datuk Seri Wong Chun Wai, Pengurus Besar BonusLink Victor Goon, dan Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Acara pada hari itu sebenarnya bermula dengan merintis hutan di sekitar kawasan FRIM. Pada hari itu juga, banyak syarikat swasta dan badan bukan kerajaan turut menjayakan sambutan tersebut dengan membuka gerai-gerai yang menjalankan aktiviti-aktiviti mesra alam, seperti menerima barangan terpakai, terutamanya telefon bimbit dan bateri serta barangan plastik.

Kumpulan-kumpulan pelajar pula menunjukkan kepekaan mereka kepada alam sekitar dengan membuat sketsa. Selain itu, pengunjung yang membeli buku terbitan Star Publications (M) Bhd pada hari tersebut juga menerima mentol jimat tenaga Philips secara percuma! Majalah Kuntum bersama maskotnya Si Comel juga tidak ketinggalan turut mengadakan pertandingan melukis bertemakan alam sekitar kepada pengunjung kanak-kanak.

Sementara itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah melancarkan kempen 'Kawan Kepada FRIM' di mana orang ramai boleh menjadi 'bapa angkat' kepada pokok yang mereka pilih untuk ditanam, dengan menyumbang sekurang-kurangnya RM50.

Sambutan Hari Hijau 2009 ini dianjurkan oleh The Star dan ditaja oleh Bonuslink dan Philips Malaysia.

